

Pemilik stesen minyak diarah beri keterangan

MOHD AKMALL SHAFIQ TINO MOHD IDHAM DANIEL | | 6 Januari 2020



Tangkap layar video menunjukkan seorang warga asing mengisi minyak RON95 pada kenderaannya di sebuah stesen minyak di Johor Bahru.

JOHOR BAHRU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengarahkan pemilik sebuah stesen minyak di bandar raya ini tampil memberi keterangan kerana membenarkan kenderaan asing menggunakan minyak RON95.

Tindakan itu juga merujuk kepada penuliran rakaman video pada 2 Januari lalu yang memaparkan seorang lelaki mengisi petrol RON95 pada kenderaan dengan nombor pendaftaran asing.

Menerusi satu kenyataan media malam tadi, KPDNHEP turut memaklumkan satu siasatan telah dibuka dan pihaknya turut membuat pemeriksaan di stesen minyak berkenaan pada 3 Januari lalu.

"Hasil pemeriksaan dan siasatan yang dilakukan mendapati lelaki yang mengisi minyak petrol RON95 pada kenderaan asing itu dipercayai menggunakan sistem kad kredit layan diri di pam untuk mengisi minyak pada hari tersebut.

"Siasatan sedang dibuat terhadap stesen minyak berkenaan atas kesalahan gagal mematuhi arahan pengawal bekalan. Pemilik stesen juga telah diarahkan untuk hadir di KPDNHEP Johor bagi merekod rakaman percakapan dan siasatan lanjut," katanya.

Kes disiasat mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974, Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM1,000,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Bagi kesalahan kedua dan berikutnya, mereka yang melakukan kesalahan itu boleh didenda tidak melebihi RM3,000,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Hukuman untuk syarikat pula melibatkan denda tidak melebihi RM2,000,000 dan bagi kesalahan kedua dan berikutnya, denda tidak melebihi RM5,000,000.

